



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 49 /2021

**MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN
TANGGUNGJAWAB BERSAMA.**

17 Disember 2021

Bersamaan

12 Jamadil Awal 1443

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang **penambahan** dan **pemindaan** terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْآنَ هُدًى وَرَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ هُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ،

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian untuk bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekalan yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia mahupun di akhirat. Tajuk khutbah Jumaat pada hari ini ialah:

Memelihara kesucian al-Quran tanggungjawab bersama.

Sidang Jumaat sekalian,

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi kita Muhammad SAW dalam bahasa Arab, menerusi perantaraan Jibril AS, disampaikan kepada kita secara *mutawatir*, dimulai dengan surah al-Fatihah, diakhiri dengan surah al-Nas dan membacanya dikira suatu ibadat.

Allah SWT menurunkan al-Quran untuk menjadi panduan hidup manusia. Kitab al-Quran juga menerangkan kebesaran Allah SWT, mengandungi perundangan kehidupan dan merupakan mukjizat sepanjang zaman. Sesungguhnya penurunan al-Quran adalah anugerah Allah SWT kepada kita dan semestinya kita perlu bersyukur ke hadirat-Nya sebagaimana firman-Nya di ayat pertama surah al-Kahf:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ۗ قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن

لَدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۚ

Yang Bermaksud: *Segala pujian bagi Allah yang telah menurunkan al-Quran pada hamba-Nya Muhammad. Dia tidak menjadikan pada al-Quran itu sesuatu yang menyimpang daripada kebenaran. Bahkan al-Quran itu sesuatu yang lurus. Ia diturunkan untuk memberi peringatan kedatangan azab yang dahsyat daripada Allah dan memberi berita gembira kepada orang beriman lagi beramal soleh bahawa bagi mereka ganjaran yang baik.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Satu keistimewaan al-Quran yang berlainan dengan kitab-kitab yang lain ialah ianya dijaga dan dipelihara oleh Allah SWT. Firman-Nya dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ۙ

Yang Bermaksud: *Sesungguhnya Kami yang telah menurunkan al-Quran dan hanyalah Kami pemeliharanya.*

Sesungguhnya wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sentiasa dijaga dengan baik. Ketelitian menulis nas al-Quran dengan tepat sudah bermula sejak zaman Baginda lagi. Setiap kali menerima wahyu, Baginda akan mengarahkan ia ditulis oleh para sahabat RA dalam kalangan penulis wahyu, antaranya Zaid Ibn Thabit RA. Dalam satu riwayat disebutkan bahawa Zaid Ibn Thabit berkata:

Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah SAW dan Baginda membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: “Bacalah kepadaku apa yang engkau tulis.” Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan memperbetulkan. Kemudian aku bawa wahyu tersebut keluar untuk dibaca kepada manusia.

(Hadith riwayat Tabarani).

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Pengumpulan al-Quran kali pertama berlaku pada zaman Abu Bakr al-Siddiq RA iaitu selepas peperangan al-Yamamah menentang golongan murtad. Dalam peperangan tersebut, ramai penghafaz al-Quran gugur syahid. Melihat perkara ini, Umar Ibn al-Khattab RA mencadangkan kepada Abu Bakr al-Siddiq RA untuk mengumpulkan al-Quran. Setelah dipersetujui maka tugas mengumpul dan menulis al-Quran diberi kepada dua orang sahabat iaitu Umar Ibn al-Khattab RA dan Zaid Ibn Thabit RA. Menurut Imam al-Sayuti, Zaid Ibn Thabit RA tidak akan menerima ayat al-Quran yang ditunjukkan kepadanya kecuali dibawakan dua orang saksi bahawa ayat tersebut pernah ditulis di hadapan Rasulullah SAW dan bukan ditulis sekadar ingatan semata-mata.

Penulisan mushaf selepas itu melalui proses yang sama iaitu ditulis dan disemak dengan penuh teliti demi memastikan semua ayat al-Quran adalah sahih dan tepat.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Di Malaysia, penjagaan alQuran berlaku di bawah pengawalan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Tasheh Al-Quran).

Dari aspek penguatkuasaan, pihak KDN di negeri-negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan pencetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan di mana-mana premis. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

Di samping itu, tanggungjawab memelihara ketepatan cetakan mushaf al-Quran di Malaysia memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan, dan pemalsuan maka orang ramai hendaklah memastikan setiap mushaf mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN. Jika didapati sebaliknya, maka bolehlah mengemukakan aduan ke pihak KDN negeri bagi tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Akhir sekali, dalam menjaga kesucian al-Quran juga, adalah disarankan kepada masyarakat untuk menghantar mushaf-mushaf yang lama kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu agar dapat dilupuskan dengan cara yang terhormat dan terpelihara. Orang ramai tidak digalakkan untuk melupuskan al-Quran secara persendirian demi menjamin kesucian al-Quran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الْم ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Yang Bermaksud: Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa. Iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan sembahyang, serta membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

(Surah Al- Baqarah 1-3)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Sempena kita berada di penghujung tahun 2021 khatib ingin mengingatkan sidang Jumaat semua supaya tidak lupa kepada satu rukun Islam yang penting iaitu kewajipan mengeluarkan zakat harta setelah cukup nisab dan syaratnya. Bersegeralah menunaikannya melalui pusat-pusat zakat yang diluluskan oleh MAIDAM ataupun kepada amil-amil bertauliah yang dilantik.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ،
ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ،
وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.